




PENDUDUK meredah air yang hampir surut setelah 'Bah Besar' di Kuala Lumpur pada tahun 1926.

Mengimbau 'Bah B



BANGUNAN Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur yang ditenggelami banjir pada tahun 1971.

Besar' 1926, 1971

KUALA LUMPUR 14

Jan. - Banjir gelombang kedua yang melanda Johor sekarang mengingatkan kita kembali kepada siri kejadian banjir besar yang berlaku di Malaysia sebelum ini termasuk bencana terburuk yang digelar 'Bah Besar' tahun 1926.

Profesor Emeritus Sejarah Universiti Malaya (UM), Datuk Dr. Khoo Kay Kim berkata, kejadian banjir besar pada tahun itu dianggap paling buruk kerana ia menyebabkan keseluruhan Kuala Lumpur tenggelam.

Katanya, pada tahun itu banjir turut melanda negeri-negeri lain termasuk Kelantan, Terengganu dan Perak yang menyebabkan kemusnahan kediaman, jalan raya dan tanaman.

Banjir 1926 turut meranapkan Istana Sri Sayong yang terletak di tebing Sungai Perak sehingga terpaksa diganti baru dengan Istana Iskandariah.

Bagaimanapun, kata beliau, tidak banyak rekod diperoleh mengenai bencana tersebut kerana ketika itu Tanah Melayu diperintah oleh British.

"Banjir kedua terburuk berlaku pada 1971 setelah hampir 50 peratus kawasan Kuala Lumpur ditenggelami air.

"Beberapa negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak juga mengalami banjir besar berikutan hujan lebat yang turun tanpa henti selama seminggu," kata Kay Kim kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Banjir yang berlaku sepanjang bulan Januari 1971 itu menyebabkan Perdana Menteri ketika itu, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein terpaksa mengisytiharkan darurat dan menubuhkan dua jawatankuasa Kabinet yang berperanan memberi bantuan dan melaksanakan pemulihan banjir.

Negeri paling teruk dilanda banjir itu ialah Pahang terutama di daerah Pekan, kawasan Parlimen diwakili Tun Razak.

Banjir hanya surut seminggu kemudian selepas mengorbankan sebanyak 57 orang dan menyebabkan kerugian harga ben-

da kira-kira RM84.7 juta.

Kejadian banjir besar lain yang direkodkan di seluruh Malaysia ialah pada tahun 1931, 1947, 1954, 1957, 1967 dan 1971 manakala banjir yang hanya melibatkan negeri-negeri tertentu pula terjadi pada 1973, 1979, 1983 dan 2004.

Bencana banjir juga dilaporkan berlaku pada 1886. Rekod Inggeris mencatatkan banjir itu disertai tiupan angin kencang menyebabkan banyak kemusnahan harta benda dan nyawa di Kelantan.

Menurut Kay Kim, banjir pada 1926 dan 1971 berlaku kerana kelemahan infrastruktur saluran yang tidak mampu menampung hujan dalam kuantiti banyak.

"Ia terbukti kemudian apabila kerajaan selepas itu mengambil langkah segera memperluaskan longkang, sungai, empangan dan tali air," katanya.

Selepas banjir 1971, kerajaan juga menubuhkan Suruhanjaya Tetap Kawalan Banjir, mewujudkan pelan induk saluran untuk bandar-bandar utama dan memperkenalkan sistem amaran banjir.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kajian Hal Ehwal Iklim Universiti Malaya, Profesor Dr. Khairulmaini Osman Salleh ketika dihubungi bersetuju dengan Kay Kim bahawa ketiadaan infrastruktur saluran sempurna menyebabkan banjir.

Beliau berkata, sistem saluran yang direka tidak mengambil kira faktor cuaca luar biasa yang mungkin berlaku berpunca daripada pemanasan global.

"Saya harap mereka yang terlibat dalam perancangan bandar akan belajar daripada sejarah dan mengambil kira faktor peningkatan kepadatan penduduk berikutan pertumbuhan kawasan perumahan dan industri," katanya.

Menurutnya, faktor-faktor lain yang menyebabkan banjir ialah kawasan takungan air seperti paya yang ditimbus untuk pembangunan, pembinaan jambatan terlalu kecil dan rendah sehingga menyebabkan sampah tersekat, air pasang yang menghalang banjir mengalir ke laut dan sungai yang terlalu cetek.

FAKTA BANJIR BESAR 1971

- Pahang, Kelantan dan Terengganu dilanda banjir terburuk dan hanya boleh dihubungi melalui udara.
- Daerah Pekan di Pahang ditenggelami air sedalam dua meter selama dua minggu menyebabkan bahan letupan terpaksa digunakan untuk membuka muara Sungai Pahang yang dilitupi benteng pasir.
- Banjir merebak ke Johor, Perak, Negeri Sembilan dan Melaka.
- Beberapa kampung di Selangor dan Kuala Lumpur dilanda banjir termasuk Kampung Haji Abdullah Hukum, Kampung Baru, Semenyih, Kampung Arang Batu dan Penempatan Orang-Orang Asli Changkat Bintang di Hulu Selangor.
- Kuala Lumpur terputus hubungan terus dengan dunia luar dan pasaran saham terpaksa ditutup kerana seluruh Kuala Lumpur banjir.
- Laluan kereta api ke Singapura terputus selepas berlaku tanah runtuh di Segamat, Johor.
- Seluruh negara kehabisan bekalan sayur-sayuran setelah kawasan penanaman sayur juga musnah.
- Semua sekolah di Selangor ditutup.
- Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein mengumumkan darurat setelah seluruh negara ditenggelami banjir kecuali Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.
- Banjir di semua negeri surut dalam tempoh seminggu kecuali Pahang yang berlarutan selama dua minggu.
- Sebanyak 57 orang disahkan maut kerana banjir dengan jumlah mangsa dipindahkan di seluruh negara ialah seramai 225,042 orang.
- Negeri terbanyak terlibat dengan perpindahan ialah Selangor sebanyak 69,310 orang diikuti Pahang (63,525), Johor (48,999) dan Terengganu (10,525).
- Jumlah sekolah yang rosak ialah 110 buah.